

AGIH DIVIDEN 7 SEN

8.25
SEN SEUNIT

Untuk baki pertama
10,000 unit

1.00
SEN SEUNIT

BONUS
KHAS
LIANKTAHUN

Untuk baki sehingga 10,000 unit

PNB 2017 UPDATE



ABDUL Wahid (kiri) dan Abdul Rahman pada taklimat keputusan PNB dan pengumuman ogihan pendapatan ASB, semalam.

■ ASNB komited catat prestasi cemerlang hasil transformasi strategik demi imbang purata pulangan pemegang saham

Nabil Basaruddin
nabil.basaruddin
@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai syarikat pengurusan dana terbesar negara merekodkan prestasi cemerlang apabila Jumlah Pengurusan Aset (AUM) pada November 2017 meningkat 4.6 peratus tahun ke tahun kepada RM276.5 bilion berbanding RM264.3 bilion yang dicatatkan pada tempoh sama tahun lalu.

Dalam jumlah terbabit, dana amanah saham (UTF) merangkumi RM232.6 bilion dan baki RM43.9 bilion adalah dana proprietari PNB sendiri manakala pendapatan bersih meningkat 7.1 peratus menjadi RM15.4 bilion dalam tahun kewangan sama.

Pengerusi Kumpulan PNB Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, kejayaan membe-rangsangkan itu hasil transformasi strategik PNB yang berjaya tahun ini dan menyumbang kepada peningkatan permodalan pasaran sebanyak RM27.1 bilion iaitu purata imbalan jumlah pulangan pemegang saham 18.1 peratus.

"Bagi PNB, 2017 adalah tahun yang padat di mana syarikat mencapai beberapa kejayaan utama yang bermakna seperti migrasi ASNB dan penetapan fatwa 'harus' atau 'dibenarkan' untuk semua pelaburan ASB.

"Paling penting sekali adalah PNB memperbaiki prestasi kewangan dengan

meningkatkan pendapatan bersih dan pelaksanaan rancangan transformasi syarikat strategik di samping pengukuhan ekonomi secara keseluruhan," katanya.

Beliau berkata demikian pada taklimat perkembangan suku tahun keempat dan pengumuman pengagihan pendapatan Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Nasional (ASN) di sini, semalam.

Hadir sama Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Abdul Rahman Ahmad.

Majlis sama menyaksikan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) mengumumkan agihan pendapatan tujuh sen seunit dan Bonus

Khas Ulang Tahun PNB ke-40 sebanyak satu sen seunit untuk baki sehingga 10,000 unit pertama bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Pada masa sama, ASNB mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 3.65 sen seunit bagi tabung Amanah Saham Nasional (ASN) pada tahun kewangan sama.

Abdul Wahid berkata, selaras langkah PNB ke arah menyediakan pengalaman digital kepada pelanggannya, PNB akan memperkenalkan projek portal myASN versi kedua dan tabung-nan menerusi mesin ATM.

Menurutnya, usaha itu penting untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pemegang unit di samping memudah dan menggalakkan tabungan dalam kalangan rakyat Malaysia.

FAKTA

ASNB turut umum pengagihan pendapatan 3.65 sen seunit bagi tabung ASN